**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 29 MEI 2017 (ISNIN)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - MPAJ saran peniaga bazaar Ramadan jual dengan harga berpatutan | 40 |
| - Peniaga terpaksa naik harga | 40 |
| **Chinapress** | |
| - Jalan Bukit Permai I 1 at the corner of the “ blind spot” | central |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>29 MEI 2017 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | MPAJ saran peniaga bazaar Ramadan jual dengan harga berpatutan |
| Muka Surat | 40 |

# MPAJ saran peniaga bazar Ramadan jual dengan harga berpatutan

SH 29/5/17 ms 40.

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyarankan para peniaga dan penjaja di bazar Ramadan tidak menaikkan harga jualan yang tidak munasabah.

Yang Dipertua MPAJ Abd Hamid Hussain berkata, harga jualan melampau boleh membebankan pengguna selain boleh memberi kesan kepada pendapatan peniaga itu sendiri.

"Masyarakat juga mempunyai pilihan jika mahu membeli juadah yang mahal atau tak, pengguna akan berpuas hati jika juadah itu sedap, walaupun mahal.

Tapi MPAJ tetap tiada kuasa untuk mengawal harga ke atas para peniaga dan saya


ABD HAMID

difahamkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) pula hanya bertanggungjawab ke atas senarai barangan kawalan," katanya.

Abd Hamid berkata, dalam pada itu, jumlah peniaga di bazar Ramadan di bawah pengurusan MPAJ didapati berkurangan pada tahun ini.

"Kami menyediakan 1,617 tapak di 22 lokasi, kita dapati sebanyak 329 tapak masih kosong, ia berkemungkinan peniaga tidak dapat menampung kos barangan mentah yang tinggi atau banyak pemohon yang tidak menepati syarat lesen.

Setakat ini, bayaran permit untuk makanan/minuman adalah RM162 dan air kelapa/tebu adalah RM215," katanya.

Menurutnya, bagaimanapun MPAJ sudah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan di bazar Ramadan berkenaan.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**29 MEI 2017 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | SInar Harian |
| Tajuk Berita | Peniaga terpaksa naik harga |
| Muka Surat | 40 |

SH
29/5/17
MS 40.

# Peniaga terpaksa naik harga

## Beri alasan peningkatan kos bahan mentah, namun masih ada peniaga tetap kekalkan harga jualan



Peniaga kebab dan roti John mengekalkan harga.

**AMPANG** – Saban tahun, segelintir peniaga di bazar Ramadan meraih keuntungan dengan menaikkan harga juadah disebabkan pelbagai alasan.

Seorang peniaga putu piring yang enggan dikenali mengakui makanan itu dinaikkan 10 sen bagi menampung kos bahan mentah.

"Saya jual lima putu piring dengan harga RM3.50 dan kos untuk membeli gula melaka dah naik, jadi untuk menampung kos saya terpaksa naikkan harga 10 sen setiap satu putu piring.

Bagaimanapun pandangan itu berbeza dengan seorang peniaga kuih tepung pelita juga enggan dikenali yang sanggup menanggung kerugian demi kepuasan pelanggannya.

"Biarlah saya tanggung kerugian dan saya anggap harga RM3.50 untuk lima kuih masih berpatutan," katanya.

Tinjauan Sinar Harian di bazar Ramadan di sekitar Ampang Jaya di sini mendapati ada peniaga menjual roti John dan murtabak pada harga dari RM3 hingga RM5 dan seekor ayam golek RM20.

Seorang pengunjung bazar juga kakitangan swasta, Amirul Ibrahim, 30, berkata, kenaikan harga juadah sudah dijangkakannya setiap kali tiba bulan Ramadan.

"Saya tak kisah untuk bayar lebih bagi mendapatkan juadah berbuka puasa tapi pihak berwajib perlu juga ambil tindakan supaya keadaan ini dapat dikawal," katanya.

Penuntut sebuah institut pengajian tinggi awam, Fateen Nadhira Ismail, 25, berkata, dia hanya membelanjakan RM10 untuk membeli nasi ayam madu, bihun goreng, kuih dan tau fu fa.

"Saya dapati harga tau fu fa naik RM2 berbanding sebelum ini hanya RM1.50 dan saya juga beli bihun goreng tapi saya simpan untuk dimakan pada sahur," katanya.

Seorang suri rumah, Jasmine Suraya Abdullah, 34, berkata, dia mendapati sikap segelintir penjaja menjual makanan yang saiz dan kualitinya tidak sepadan dengan harga.

"Saiz putu piring kecil hanya sebesar tapak tangan kanak-kanak, manakala murtabak pula nipis, harga tidak sepadan dengan kualiti dan saiz," katanya.

Zulkifli Iskandar berkata, masyarakat tidak boleh menyalahkan peniaga dengan kenaikan harga kerana kumpulan itu perlu menampung kos yang banyak disebabkan harga bahan mentah naik.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**29 MEI 2017 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Chinapress |
| Tajuk Berita | Jalan Bukit Permai I 1 at the corner of the " blind spot" |
| Muka Surat | Central |

cp 29/5/17 m/s central.

## 武吉柏邁1路須設路拱凸鏡

# 轉彎處盲點要剔除

報導◆劉淑美 攝影◆盧淑敏

（安邦28日讯）武吉柏迈1路（Jalan Bukit Permai 1）转弯处出现“盲点”，导致每月出现至少一场车祸，当地居民希望安邦再也市议会可安置路拱和凸镜，避免悲剧发生。

据了解，武吉柏迈1路的来回车道各有一条车道，可是许多居民都将车泊在路旁，现有的路段也缩为一条车道，加上转弯处种有许多茂盛的树木而导致当地出现视觉上的“盲点”，两方的车辆处于“我看不见你”的情况。

《中国报》在莲花苑区州议员张菲倩、武吉柏迈花园（Taman Bukit Permai）居民协会慕沙、睦邻计划主席莫哈末祖基菲和珍珠阁（Mutiara Court）的居民前往巡视时，发现一些驾驶者快速行驶，非常危险；一些驾驶者则非常熟悉当地路况，并停在角落旁。



■居民希望安邦再也市议会可在转弯处安置凸镜和路拱，左起为林邱庄、达沙、莫哈末祖基菲、张菲倩和邓保兴。

居民邓保兴受访时指出，该路存在的危机已有多年，也有小意外的发生，多年前返家时也发现住家对面的电灯柱已被撞倒，一些驾驶者为了避开车辆更几乎撞入其门口，非常吓人。

他指出，该处存在的盲点容易导致驾驶者看不到前方的路段情况，一旦前方车子快速驾驶，另一方的车子就会紧急煞车。

也有居民指出，道路沿途都会种有许多大树，阻碍视线，因此希望当局修剪或砍掉大树。

## 睦鄰計劃主席：每月傳車禍

武吉柏迈花园睦邻计划主席莫哈末祖基菲向《中国报》指出，他接到许多当地居民的投诉，指转弯处的盲点带来危险。

他指出，根据估计，每月至少都会发生1至2宗交通意外。

“我也曾向有关当局建议安装路拱和凸镜，至今毫无下文，因此会在近期收集居民的签名，以提交给当局。”

张菲倩指出，若居民要在当地安装路拱和凸镜，就得获得整排居民的签名同意。

她也促请驾驶者小心开车，以免发生车祸。



■武吉柏迈1路转弯处的视觉上出现“盲点”多年，导致每月出现至少一场车祸。